

06/10/2000

Undang-undang pulih akidah masih dikaji

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Khamis - Cadangan bagi mewujudkan Undang-Undang Pemulihan Akidah belum boleh dilaksanakan sekarang kerana masanya tidak begitu sesuai dan kerajaan perlu mengkajinya dengan mendalam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, berkata kajian itu mengambil masa kerana ia sesuatu yang baru dalam sistem perundangan negara, malah negara lain juga tidak mempunyai undang-undang sedemikian.

"Kita sedang mencari jalan paling baik untuk menyelesaikan masalah penyelewengan akidah di kalangan umat Islam negara ini," katanya selepas menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang kepada 50 kakitangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Mawip) di sini, hari ini.

Sabtu lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rang undang-undang pemulihan akidah itu memerlukan kajian terperinci sebelum dilaksanakan.

Cadangan mewujudkan undang-undang itu oleh Jabatan Kemajuan Agama Islam (Jakim) mendapat bantahan pelbagai pihak termasuk Pas yang menganggap undang-undang itu bertindih dengan Hukum Syariah sedia ada.

Dr Abdul Hamid berkata, kajian ke atas cadangan itu memerlukan masa kerana belum ada negara lain yang mempunyai undang-undang sedemikian untuk ditiru dan digunapakai di Malaysia.

Malah, katanya, negara-negara Islam yang mempunyai peraturan lebih ketat juga tidak mempunyai undang-undang sedemikian. Mereka bagaimanapun memberi tumpuan kepada usaha melipatgandakan kegiatan dakwah.

"Walaupun kita dah jumpa menteri-menteri agama dari luar negara ketika Persidangan Antarabangsa Panduan Haji minggu lalu, mereka menyatakan negara mereka tidak mewujudkan undang-undang sedemikian.

"Malah, mereka juga menasihati supaya kita berhati-hati dalam meneliti cadangan itu," katanya.

Mengenai projek Mawip menubuhkan hospital, Dr Abdul Hamid berkata, kerajaan sudah meluluskan peruntukkan RM105 juta bagi penubuhan hospital yang akan dinamakan Hospital Pusrawi.

Hospital yang terletak di Jalan Tun Razak itu akan dilengkapi dengan peralatan moden dan terbuka kepada semua orang tanpa mengira agama.

"Kita akan menamakan ia Hospital Pusrawi, sempena nama asalnya Pusat Rawatan Islam yang fungsinya sebagai pusat rawatan. Cuma kita akan naikan tarafnya kepada sebuah hospital umum," katanya.

Hospital itu menawarkan khidmat rawatan biasa seperti wad bersalin, pembedahan dan rawatan lain tetapi ia bukannya perkhidmatan pakar yang memerlukan belanja penyelenggaraan agak tinggi.

Sebuah hotel bertaraf tiga bintang yang mempunyai 103 bilik juga akan dibina bersebelahan dengan hospital itu bagi kemudahan keluarga pesakit.

Upacara pecah tanah tapak hospital dan hotel itu yang terletak bersebelahan Perpustakaan Negara dan bertentangan dengan Institut Jantung Negara (IJN), akan diadakan Isnin ini.

(END)